

## Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar

**PERINGATAN:** Semua Saudagar yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang tersedia di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my).

### 1. PENGENALAN

Terma dan syarat ini akan mentadbir penggunaan DuitNow QR anda dan harus dibaca bersama dengan:

- a) Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan;  
<https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>
- b) Terma dan Syarat bagi DuitNow;  
<https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/DuitNowTnC.pdf>
- c) Terma dan Syarat untuk Pangkalan Data Pengalamatan Nasional; dan  
<https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/NADTnCEng.pdf>

apa-apa terma dan syarat lain yang berkaitan dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank.

**Saudagar dikehendaki membaca dan memahami terma dan syarat yang terdapat di sini. Sekiranya Saudagar dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini memilih untuk meneruskan setelah membaca dan memahami terma dan syarat, maka akan dianggap bahawa Saudagar dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini telah secara jelas menerima dan bersetuju:**

- a) untuk terikat dengan terma dan syarat di sini;
- b) bahawa penggunaan DuitNow QR adalah atas risiko mereka sendiri dan mereka akan menanggung semua risiko sampingan atau risiko yang timbul daripada penggunaan perkhidmatan DuitNow QR ini; dan
- c) dengan pengumpulan, penggunaan dan penyerahan data peribadi Saudagar dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini (yang merangkumi butiran perhubungan) oleh Bank kepada sekutu, penyedia perkhidmatan dan Pengendali NAD sebagaimana yang diperlukan dan dianggap perlu untuk tujuan melaksanakan dan melepaskan perkhidmatan DuitNow QR.

**Sekiranya Saudagar dan/atau mana-mana pihak berkaitan di sini memilih untuk TIDAK menerima terma dan syarat ini atau mana-mana semakan terma dan syarat, Saudagar dan/atau mana-mana pihak berkaitan di sini tidak harus perkhidmatan ini dan boleh memberhentikan akses dan/atau penggunaan DuitNow QR mereka dengan serta-merta.**

### 2. DEFINISI

**“Kod Akses”** merujuk kepada Nama Pengguna, Kata Laluan, Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) dan/atau maklumat pengesahan sulit lain yang diperlukan untuk mengakses dan/atau menggunakan DuitNow QR sama ada dalam bentuk perkataan, kod, nombor, kumpulan aksara atau input biologi dan/atau bentuk atau gabungan lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**“Akaun”** merujuk kepada:

- a) Akaun e-Wang dan semua jenis akaun deposit yang ditawarkan oleh Peserta, kecuali untuk akaun simpanan tetap/deposit bertempoh milik Pelanggan; dan/atau akaun semasa dan/atau simpanan/-i Saudagar dengan Bank;

## Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar

“**AmOnline**” merujuk kepada perkhidmatan perbankan atas talian AmBank Group yang disediakan oleh Bank untuk Pelanggan yang tersedia sebagai aplikasi mudah alih (“**Aplikasi**”).

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran 196901000166 (8515-D)] dan/atau AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran 199401009897 (295576-U)], syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar masing-masing di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Benefisiari**” merujuk individu, syarikat dan/atau perkongsian:

- a) yang mempunyai akaun bersama dengan mana-mana Peserta;
- b) yang mempunyai ID DuitNow QR; dan
- c) yang telah mendaftar untuk menjalankan urusan niaga melalui DuitNow QR dan urusan niaga tersebut merangkumi Pemindahan dana antara individu melalui DuitNow QR.

“**Pengesahan Biometrik**” merujuk proses pengesahan identiti pengguna yang melibatkan input biologi atau pengimbasan atau analisis beberapa bahagian badan yang meliputi Pengimbasan Cap Jari (juga dikenali sebagai Quick Touch), ID Wajah dan ID Suara.

“**Hari Perniagaan**” bermaksud setiap hari kalendar dari hari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum dan cuti umum mengikut negeri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“**Juruwang**” merujuk kepada individu yang diberi kuasa oleh Saudagar untuk menjana Kod QR dan menerima Pembayaran DuitNow QR daripada Pelanggan bagi pihak Saudagar. Pembayaran yang diterima melalui DuitNow QR akan masuk ke dalam Akaun Saudagar.

“**Pemindahan Kredit**” merujuk arahan daripada Pelanggan dan/atau Benefisiari untuk mendebitkan Akaun Pelanggan dan/atau Akaun Benefisiari serta membantu pemindahan kredit kepada Saudagar.

“**Pelanggan**” merujuk kepada Benefisiari yang mempunyai Akaun dengan Peserta yang:

- a) membuat Pembayaran DuitNow QR kepada bank Saudagar untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan; dan/atau
- b) menjalankan urusan niaga dengan mana-mana Benefisiari melalui DuitNow QR dan urusan niaga tersebut merangkumi tetapi tidak terhad kepada Pemindahan *dana antara individu* melalui DuitNow QR.

“**DuitNow QR**” merujuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank yang membolehkan pengguna aplikasi AmOnline melakukan pembayaran kepada Saudagar untuk barangan dan perkhidmatan yang diperolehi dan/atau dibeli dan/atau melakukan pemindahan kepada Benefisiari dengan menggunakan kod Respons Pantas (QR) dua dimensi unik yang dijana oleh Benefisiari. Perkhidmatan ini disediakan melalui Aplikasi AmOnline.

“**Pembayaran DuitNow QR**” merujuk kepada pembayaran oleh Pelanggan ke dalam Akaun Saudagar menggunakan DuitNow QR. Pelanggan membuat pembayaran dengan mengimbas Kod QR Saudagar menggunakan AmOnline.

“**e-Wang**” bermaksud instrumen pembayaran yang mengandungi nilai wang yang dibayar terlebih dahulu oleh pengguna (iaitu Pelanggan dan/atau Penerima) kepada Pengeluar e-Wang.

## Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar

“**Akaun e-Wang**” bermaksud akaun yang menyimpan dana secara elektronik sebagai pertukaran untuk dana yang dibayar kepada pengeluar e-wang dan dapat digunakan sebagai kaedah pembayaran kepada mana-mana individu lain selain daripada pengeluar e-wang.

“**Pengeluar e-Wang**” bermaksud penyedia perkhidmatan yang menyediakan kemudahan e-Wang.

“**Saudagar**” termasuk individu, syarikat dan/atau perkongsian yang didaftarkan dengan Bank untuk menjadi Saudagar DuitNow QR dan menerima Pembayaran DuitNow QR untuk barangan dan perkhidmatan daripada Pelanggan melalui DuitNow QR.

“**Peranti Mudah Alih**” merujuk telefon bimbit atau peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses DuitNow QR dan/atau AmOnline.

“**Pangkalan Data Pengalamatan Nasional**” atau “**NAD**” merujuk kepada simpanan pengalamatan pusat yang ditubuhkan oleh Pengendali NAD yang (i) menghubungkan Bank atau Akaun e-Wang ke ID DuitNow Penerima; dan (ii) memudahkan pembayaran yang dibuat kepada Penerima dengan merujuk ID DuitNow Penerima.

“**Pengendali NAD**” merujuk kepada Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“**PayNet**”).

“**Penyedia Perkhidmatan Rangkaian**” merujuk kepada mana-mana penyedia perkhidmatan Internet yang menyediakan sambungan ke Internet.

“**Peserta**” merujuk kepada institusi (kewangan atau bukan kewangan) yang telah mendapat persetujuan daripada PayNet untuk mengakses dan membenarkan penjelasan dan penyelesaian urusan niaga DuitNow QR menggunakan aplikasi perbankan mudah alih atau e-Wang.

“**Kata Laluan**” merujuk kepada kata laluan untuk mengakses AmOnline dan Aplikasi AmOnline.

“**Pemindahan dana antara individu**” merujuk kepada pemindahan wang elektronik yang dilakukan menggunakan DuitNow QR daripada seorang individu kepada individu lain.

“**PIN**” merujuk kepada nombor enam (6) digit yang digunakan untuk pengesahan yang mesti dimasukkan oleh Pelanggan atau Saudagar untuk mengakses Aplikasi AmOnline.

“**Kod QR**” merujuk kepada Kod *Quick Response*, sejenis kod bar matriks atau kod bar dua dimensi yang mengandungi maklumat mengenai perkara yang dilampirkan. Terdapat dua jenis kod QR iaitu Kod QR Statik dan/atau Kod QR Dinamik:

- a) “**Kod QR Statik**” merujuk kepada kod yang tetap dan tidak dapat diubah yang dihasilkan oleh Saudagar atau Penerima yang HANYA mempunyai butiran akaun Saudagar atau Penerima yang terkandung dalam kod tersebut. Kod QR Statik boleh diimbas berulang kali.

Pengguna Aplikasi AmOnline atau Pelanggan diminta memasukkan jumlah pembayaran atau Pemindahan Kredit semasa membuat Pembayaran QR menggunakan Kod QR Statik.

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

- b) “**Kod QR Dinamik**” merujuk kod yang tetap dan dapat diubah yang dihasilkan oleh Pengguna Aplikasi AmOnline atau Pelanggan yang mempunyai butiran akaun Pengguna Aplikasi AmOnline atau Pelanggan yang terkandung dalam kod tersebut. Kod QR dinamik hanya dapat diimbis sekali. Saudagar atau Penerima perlu memasukkan amaun semasa membuat Pembayaran DuitNow QR menggunakan Kod QR Dinamik.

“**Promosi QR**” merujuk kepada promosi yang dibuat oleh Bank dan/atau Saudagar untuk Pelanggan. Promosi ini hanya terpakai untuk Pembayaran DuitNow QR.

“**Akses Pantas**” merujuk kepada ciri pada Aplikasi AmOnline yang membolehkan anda memanfaatkan ciri biometrik yang terdapat di telefon pintar anda atau PIN AmOnline 6 digit yang selamat untuk mengakses ringkasan maklumat akaun anda dengan cepat.

“**Penerima**” merujuk kepada Pelanggan dan/atau Benefisiari yang menerima urus niaga DuitNow QR.

“**Pihak Ketiga**” merujuk kepada Peserta yang bukan merupakan sebahagian dan/atau mempunyai perkaitan dengan Bank dan/atau penyedia perkhidmatan rangkaian dan/atau operator telekomunikasi.

“**Nama Pengguna**” merujuk kepada nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh Pelanggan atau Saudagar yang mesti dimasukkan untuk mengakses AmOnline. Nama Pengguna digunakan untuk mengaitkan dengan profil yang betul dalam Akaun

### **3. KELAYAKAN**

DuitNow QR ditawarkan kepada Saudagar yang merupakan individu, syarikat dan/atau rakan perkongsian yang berdaftar dengan Bank.

### **4. PERKHIDMATAN DuitNow QR**

4.1 Saudagar bersetuju untuk memaparkan Kod DuitNow QR dengan tujuan untuk menubuhkan dan menggunakan perkhidmatan ini.

4.2 Saudagar mengakui bahawa semua hak milik dan hak harta intelek yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR dan/atau AmOnline yang disediakan di bawah ini adalah milik PayNet, Bank dan yang mana berkenaan, syarikat gabungan mereka, pada setiap masa.

4.3 Akaun dan Maklumat

- a) Maklumat Akaun

Saudagar akan memilih akaun mereka SENDIRI dengan Bank dan akaun ini akan digunakan oleh Saudagar untuk penerimaan Pembayaran DuitNow QR. Saudagar seterusnya bersetuju bahawa Bank berhak mendebitkan Akaun Saudagar untuk caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR dan Saudagar dilarang menggunakan akaun lain yang bukan milik Saudagar ketika memberikan perkhidmatan DuitNow QR.

Bank tidak menjamin ketepatan maklumat yang berkaitan dengan Akaun Saudagar

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

atau urus niaga seperti yang dilaporkan melalui perkhidmatan DuitNow QR yang disebabkan kelewatan waktu, gangguan dan kelewatan sistem lain yang serupa dan/atau ralat yang mungkin berlaku. Oleh itu, Saudagar diingati dan dinasihati supaya memeriksa secara berkala setiap amaran, pernyataan atau pemberitahuan yang dikeluarkan atau disediakan oleh Bank untuk memastikan bahawa tidak ada kesalahan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau perkara atau urus niaga yang tidak dibenarkan, secara berkala dan dari semasa ke semasa.

- b) Maklumat Peribadi dan Berkaitan Perniagaan  
Saudagar mestilah berumur 18 tahun ke atas dan mesti memberikan maklumat peribadi dan perniagaan yang benar, betul dan tepat kepada Bank yang merangkumi maklumat yang berkaitan dengan nama mereka, kad pengenalan, nombor telefon bimbit, kewarganegaraan, alamat, sifat perniagaan, nama perniagaan, akaun dan Juruwang.

Sekiranya terdapat perubahan pada maklumat tersebut, Saudagar akan mengemas kini maklumat melalui AmOnline dan/atau segera memberitahu Bank dengan cara yang dapat diterima oleh Bank.

- c) Saudagar mengakui bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Saudagar atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan atau kelewatan Saudagar untuk memastikan Bank dan/atau Pelanggan sentiasa terkini dengan apa-apa perubahan maklumat.

4.4 Saudagar hendaklah dan perlu memastikan bahawa Juruwangnya mematuhi semua langkah keselamatan yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow QR, langkah-langkah untuk mengelakkan Nama Pengguna, PIN dan/atau Peranti Mudah Alih mereka jatuh ke tangan yang salah.

Saudagar hendaklah dan perlu memastikan bahawa Juruwangnya mengambil semua langkah berjaga-jaga dan ketekunan yang diperlukan untuk mengelakkan penggunaan Pembayaran DuitNow QR dan/atau Peranti Mudah Alih mereka yang tidak dibenarkan termasuk langkah-langkah berikut:

- a) periksa butiran dan urus niaga Akaun dan laporkan apa-apa percanggahan tanpa berlelah; dan
- b) memastikan bahawa maklumat yang betul diberikan kepada Bank ketika meminta penajaan Kod DuitNow QR seperti nombor Akaun, nama, alamat e-mel dan nombor telefon bimbit.

Saudagar bersetuju bahawa Bank berhak untuk membatalkan perkhidmatan DuitNow QR mereka kerana melanggar dan/atau kemungkinan pelanggaran mana-mana syarat di sini atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan dan/atau untuk memastikan atau menjaga keselamatan perkhidmatan DuitNow QR dan penggunaanya yang difikirkan sesuai oleh Bank. Saudagar tidak akan menyebabkan Bank menanggung apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami akibat pembatalan akses mereka.

4.5 Kewajipan Saudagar

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

Saudagar bersetuju dan berjanji untuk mematuhi kewajipan-kewajipan berikut:

- a) Saudagar mesti menggunakan perkhidmatan DuitNow QR dengan bertanggungjawab dan tidak menggunakan perkhidmatan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- b) Saudagar mesti mempunyai hak atau pemilikan yang baik atas produk dan perkhidmatan yang mereka tawarkan kepada Pelanggan.
- c) Saudagar akan bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan atas kelakuan Juruwang mereka. Saudagar mempunyai kewajipan untuk mendidik Juruwang mereka mengenai terma dan syarat perkhidmatan DuitNow QR serta perkhidmatan yang berkaitan, tanggungjawab Juruwang, pengendalian DuitNow QR dan risiko yang kemungkinan timbul ketika menggunakan DuitNow QR.

### 4.6 Aktiviti yang Dilarang

Saudagar mempunyai kewajipan untuk memastikan maklumat yang diberikan dan aktiviti yang dilakukan melalui perkhidmatan DuitNow QR TIDAK BOLEH:

- a) Salah, tidak tepat atau mengelirukan;
- b) Merupakan penipuan atau melibatkan penjualan barangan palsu atau pencurian;
- c) Melibatkan pemberian pinjaman wang haram;
- d) Berkaitan dengan apa jua cara dengan apa-apa jenis perjudian dan/atau aktiviti permainan;
- e) Melanggar hak cipta, paten, tanda dagang, rahsia perdagangan atau hak harta lain atau hak publisiti atau privasi pihak ketiga;
- f) Melanggar sebarang undang-undang, statut, ordinan, perjanjian atau peraturan (termasuk, tetapi tidak terbatas kepada peraturan yang mentadbir perkhidmatan kewangan, perlindungan pengguna, persaingan tidak adil, anti-diskriminasi atau iklan palsu);
- g) berunsur fitnah, fitnah perdagangan, ancaman secara haram atau gangguan secara haram;
- h) Memudahkan penjualan barang palsu;
- i) Menyebabkan AmBank Group menerima aduan berlebihan mengenai akaun atau perniagaan anda; atau
- j) Menyebabkan risiko ketidakpatuhan kepada AmBank Group terhadap kewajipan pencegahan pengubahan wang haram AmBank Group (termasuk, tanpa batasan, dalam keadaan apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda).

Sekiranya terdapat penggunaan atau percubaan untuk menggunakan perkhidmatan

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

DuitNow QR bagi apa-apa jenis tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara di atas), akses Saudagar ke Pembayaran DuitNow QR akan dihentikan dan Saudagar serta Juruwang mungkin tertakluk pada kerosakan dan/atau hukuman, termasuk pendakwaan jenayah mengikut mana-mana yang berkenaan.

### 4.7 Promosi DuitNow QR

Tanggungjawab dan kebertanggungjawapan Promosi DuitNow QR Saudagar ditanggung oleh Saudagar. Saudagar bersetuju untuk mengambil semua langkah yang munasabah bagi memastikan semua kandungan dan syarat yang dinyatakan dalam Promosi Saudagar QR betul, adil dan TIDAK dengan apa cara sekalipun melanggar peraturan dan undang-undang Malaysia dan/atau menyebabkan kemudaratan, kesalahan dan/atau diskriminasi kepada Pelanggan atau orang awam.

Sekiranya Saudagar mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Kod QR Statik mereka telah dirosakkan, Saudagar akan segera meminta Bank untuk mencetak semula untuk penggantian Kod QR Statik yang dirosakkan.

Saudagar mengakui dan bersetuju bahawa mereka mungkin dihubungi oleh Pelanggan berhubung dengan Promosi QR yang ditawarkan.

Saudagar akan memberikan bantuan dalam setiap siasatan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Perkhidmatan DuitNow QR pada bila-bila masa.

### 4.8 Terma Pembayaran

Saudagar bersetuju dan menerima bahawa apa-apa arahan yang diberikan oleh Saudagar berkenaan dengan Akaun Saudagar atau urusan niaga lain, menggunakan perkhidmatan DuitNow QR pada setiap masa akan tertakluk kepada had dan syarat yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank.

Saudagar mengakui bahawa Bank mungkin dari semasa ke semasa menawarkan promosi DuitNow QR kepada Pelanggan. Sekiranya Pelanggan menggunakan promosi DuitNow QR, Saudagar akan menerima jumlah tolak nilai promosi Bank ke dalam Akaun Saudagar segera setelah pembayaran berjaya. Nilai promosi Bank hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Saudagar dalam masa 24 jam.

- 4.9 Sekiranya wujud pertikaian (seperti pertikaian mengenai jumlah yang dibayar kerana kesalahan atau kesilapan oleh Saudagar atau Pelanggan), penyelesaian pertikaian tersebut harus dilakukan antara Pelanggan dengan Saudagar. Sekiranya Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa kejadian Pembayaran DuitNow QR yang salah arah, digandakan atau tidak betul telah berlaku, Bank akan membantu permintaan pembalikan berdasarkan perjanjian tahap perkhidmatan sedia ada (1 (b) Terma & Syarat untuk DuitNow) yang dibuat antara bank dengan Saudagar.

Bank tidak akan bertanggungjawab atas pertikaian yang timbul tetapi tidak terhad kepada:

- a) Pelanggan tidak menerima barang atau perkhidmatan daripada Saudagar.

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

- b) Saudagar tidak dapat dihubungi.
  - c) Apa-apa kesilapan atau salah komunikasi antara Saudagar dengan Pelanggan.
  - d) Apa-apa perbuatan salah/penipuan/tidak sah oleh Saudagar.
- 4.10 Bank dan/atau Pengendali NAD berhak untuk:
- a) menjalankan pemeriksaan ke atas kedai atau premis perniagaan; dan/atau
  - b) menghendaki pengeluaran dokumen yang membuktikan identiti dan aktiviti perniagaan Saudagar untuk tujuan memastikan kepatuhan terhadap polisi dan/atau prosedur, undang-undang dan peraturan dalaman Bank dan/atau untuk alasan lain yang difikirkan sesuai oleh Bank dan/atau Pengendali NAD.
- 4.11 Bank berhak untuk menambah, mengubah atau membuang apa-apa ciri DuitNow QR mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa yang difikirkan sesuai dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.
- 4.12 Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk menolak melaksanakan mana-mana arahan sekiranya arahan tersebut tidak selaras dengan polisi Bank atau undang-undang.

### **5. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN**

- 5.1 Perkhidmatan DuitNow QR bertujuan sedia digunakan 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Walau bagaimanapun, Saudagar mengakui bahawa kemungkinan berlaku:
- a) Waktu henti harian apabila Bank menjalankan penyelenggaraan sistem dan peralatan; dan/atau
  - b) Waktu henti tak berkala disebabkan oleh gangguan lain yang tidak dijangka yang di luar kawalan Bank.
- 5.2 Bank tidak akan bertanggungjawab atas waktu henti dan/atau gangguan yang berlaku. Walaupun begitu, Bank akan berusaha sedaya upaya untuk memberitahu Saudagar sekiranya berlaku apa-apa gangguan.
- 5.3 Selanjutnya, jika urusan niaga melibatkan akses atau penggunaan sistem dan perkhidmatan Pihak Ketiga, Saudagar mengakui bahawa waktu operasi akan bergantung pada ketersediaan sistem tersebut.

### **6. KERAHSIAAN**

Sekiranya Saudagar menerima apa-apa data dan maklumat melalui perkhidmatan DuitNow QR dan/atau AmOnline yang tidak ditujukan untuk Saudagar, Saudagar bersetuju bahawa semua data atau maklumat tersebut akan segera dilupuskan/dihapuskan dan Saudagar akan segera memberitahu Bank dengan apa-apa kaedah tanpa kelewatan.

### **7. PENDEDAHAN MAKLUMAT SAUDAGAR**



## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

- 7.1 Bank dan setiap syarikat gabungannya bersetuju untuk tidak mendedahkan kepada pihak ketiga, apa-apa maklumat kewangan yang berkaitan dengan urusan atau akaun Saudagar yang telah disediakan oleh Saudagar atau yang telah diperolehi daripada Bank dan/atau gabungan yang berkaitan dengan Akaun dan urus niaga kecuali dengan tujuan:
- a) Untuk mematuhi perintah mahkamah atau arahan atau permintaan yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia berdasarkan undang-undang bertulis untuk tujuan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan di bawah undang-undang bertulis
  - b) Dikehendaki oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di bawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tujuan mempermudah pertukaran maklumat menurut pengaturan atau perjanjian percukaian yang berkuat kuasa di bawah seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967.
  - c) Berkaitan dengan pelaksanaan tugas penyeliaan oleh pihak berkuasa berkaitan di luar Malaysia yang menjalankan fungsi yang selaras dengan tugas Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
  - d) Berkaitan dengan pelaksanaan fungsi terpusat yang meliputi audit, risiko, pengurusan, kewangan atau teknologi maklumat atau fungsi terpusat lain dalam AmBank Group (jika ada);
  - e) Berkaitan dengan usaha wajar yang diluluskan oleh lembaga pengarah Bank sehubungan dengan penggabungan dan pengambilalihan, pelaksanaan penjana modal atau penjualan aset atau keseluruhan atau sebahagian perniagaan;
  - f) Untuk pelaksanaan fungsi Bank yang melibatkan penyumberan keluar;
  - g) diperlukan untuk menyelesaikan urus niaga;
  - h) Untuk entiti dalam AmBank Group yang wujud sekarang atau di masa depan, memiliki atau dimiliki oleh atau di bawah pemilikan bersama, sama ada secara langsung atau tidak langsung atau mengendalikan, dikendalikan oleh atau di bawah kawalan bersama dengan Bank (selanjutnya disebut sebagai "AmBank Group") untuk tujuan penjualan silang produk dan perkhidmatan, kecuali Saudagar telah membantah atau memilih untuk tidak melakukan pendedahan;
  - i) Untuk menawarkan produk dan perkhidmatan lain daripada gabungan Bank dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain apabila Saudagar telah memberikan persetujuan yang sama.
- 7.2 Kecuali dinyatakan sebaliknya dengan jelas dalam terma dan syarat ini dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, Saudagar memahami bahawa sementara Bank akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan perkhidmatan DuitNow QR adalah selamat dan tidak dapat diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, Bank tidak menjamin keselamatan maklumat yang dihantar atau diterima oleh Saudagar menggunakan perkhidmatan DuitNow QR di luar kawalan Bank.
- 7.3 Selain itu, Saudagar disarankan untuk menyemak Notis Privasi Bank daripada laman web rasmi kami di <https://www.ambank.com.my/eng/privacy-policy>

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

### **8. PEMBATASAN LIABILITI**

- 8.1 Saudagar mengakui bahawa Bank dan AmBank Group tidak memberikan apa-apa jaminan mengenai perkhidmatan DuitNow QR dan/atau Aplikasi AmOnline, sama ada secara tersurat atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu kecuali yang sebaliknya dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan (yang merangkumi garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan kerajaan yang relevan), Bank dan AmBank Group secara nyata menolak liabiliti berkenaan dengan apa-apa kelewatan, kegagalan atau kesalahan dalam penggunaan perkhidmatan DuitNow QR dan/atau Aplikasi AmOnline oleh Saudagar.
- 8.2 Bank dan/atau AmBank Group tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tanpa batasan kehilangan pendapatan atau keuntungan atau apa-apa kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan DuitNow QR dan kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian, keingkaran sengaja atau penipuan daripada pihak Bank.

Oleh kerana sifat perkhidmatan DuitNow QR dan/atau Aplikasi AmOnline, kecuali yang dinyatakan dengan jelas dalam terma dan syarat ini dan setakat yang dibenarkan oleh bawahundang-undang dan peraturan (yang merangkumi garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan kerajaan yang relevan), Bank dan tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data, perisian, peralatan, akses rangkaian atau peralatan Saudagar yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan DuitNow QR dan/atau AmOnline kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut secara langsung DuitNow QR ung disebabkan oleh kecuaiian, kemungkiran sengaja atau penipuan daripada pihak Bank. Keadaan ini termasuk penggunaan dan/atau pencerobohan yang tidak dibenarkan, gangguan atau serangan oleh orang lain, virus, kuda trojan, cacing, makro atau komponen berbahaya lain atau program atau fail yang merosakkan.

### **9. YURAN DAN CAJ**

- 9.1 Saudagar bersetuju bahawa Bank, , tertakluk kepada pemberian notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Saudagar, berhak untuk memungut atau mengenakan caj perkhidmatan atau yuran urus niaga dan/atau menyemak dari semasa ke semasa berkenaan dengan penggunaan atau akses Saudagar ke perkhidmatan DuitNow QR Bank atau mana-mana bahagiannya.
- 9.2 Caj perkhidmatan atau bayaran urus niaga boleh ditukar dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank.
- 9.3 Saudagar mengakui dan menerima bahawa Saudagar bertanggungjawab ke atas semua caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan dalam membolehkan Pelanggan mengakses dan/atau menyambung ke perkhidmatan DuitNow QR dan/atau AmOnline. Saudagar juga bertanggungjawab atas apa-apa yuran dan caj yang dikenakan oleh mana-mana Penyedia Perkhidmatan Rangkaian.
- 9.4 Tertakluk pada terma dan syarat daripada Akaun Saudagar, Saudagar mengakui

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

bahawa Bank berhak untuk mendebitkan Akaun yang berkaitan dengan Saudagar untuk jumlah dan apa-apa caj atau cukai Kerajaan yang perlu dibayar atas penggunaan perkhidmatan DuitNow QR.

### **10. UMUM**

- 10.1 Bank berhak untuk mengubah, meminda, mempelbagaikan, menggantung, menyemak atau mengubah-suai terma dan syarat ini dan caj untuk penggunaan perkhidmatan DuitNow QR pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh perubahan, pindaan, variasi, penggantungan atau pengubahsuaian ini dilakukan melalui laman web Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my).
- 10.2 Walau apa jua yang dinyatakan sebaliknya, Bank boleh pada bila-bila masa, menggantung atau menghentikan hak akses Saudagar untuk perkhidmatan DuitNow QR dan/atau AmOnline atau mana-mana bahagian atau medium apa pun yang disediakan, atas pelanggaran atau potensi pelanggaran apa-apa syarat di sini, undang-undang, peraturan dan/atau untuk memastikan atau menjaga keselamatan perkhidmatan DuitNow QR dan/atau AmOnline dan pengguna-penggunanya yang difikirkan sesuai oleh Bank, dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.
- 10.3 Saudagar memahami dan bersetuju untuk menanggung rugi, membela dan mempertahankan Bank, sekutu Bank dan Pendedali NAD daripada semua tuntutan, prosiding, tindakan, kerugian, kerosakan, kos (termasuk semua kos guaman atas dasar tanggung rugi), liabiliti atau perbelanjaan, sama ada dijangka atau tidak, disebabkan atau timbul berkaitan dengan apa-apa kesalahan, tindakan atau peninggalan oleh Saudagar (termasuk tetapi tidak terhad kepada kecuaiian, salahlaku atau kemungkiran Penjual dalam mana-mana terma dan syarat ini).
- 10.4 Saudagar memahami dan menyetujui pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Saudagar (yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh Bank kepada sekutunya, pembekal perkhidmatannya dan Pendedali NAD, jika diperlukan dan dianggap perlu, untuk tujuan memberi dan melaksanakan perkhidmatan DuitNow QR.  
Saudagar dinasihati untuk membaca dan memahami Notis Privasi AmBank melalui <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/privacy-policy/PrivacyNoticeEng2016.pdf>
- 10.5 Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat di sini, termasuk apa-apa pindaan mengatasi peruntukan dan/atau pernyataan lain yang terkandung dalam pemberitahuan/promosi/bahan iklan lain untuk perkhidmatan DuitNow QR.
- 10.6 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan kelayakan perkhidmatan DuitNow QR adalah muktamad dan mengikat semua Saudagar dan mana-mana pihak berkaitan di sini.
- 10.7 Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kegagalan, kelewatan atau keingkaran berkenaan dengan pelaksanaan kewajipan di bawah terma dan syarat ini yang timbul atau disebabkan oleh kuasa di luar kawalan wajar Bank, termasuk bencana alam, tindakan perang, rusuhan, pemberhentian kerja, kemalangan, sekatan masuk, tindakan

## **Terma dan Syarat DuitNow QR untuk Saudagar**

industri atau malapetaka semula jadi.

- 10.8 Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahihan, penguatkuasaan dan pentafsiran bagi terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan dikawal oleh dan ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Semua pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 10.9 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam pentafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa makna yang sama.
- 10.10 Untuk apa-apa bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan terma dan syarat ini, Saudagar boleh menghubungi SME Pusat Perhubungan Bank di 03-2178 3188 pada waktu operasi atau melalui pertanyaan/maklum balas melalui e-mel kepada [e-ambizcare@ambankgroup.com](mailto:ambizcare@ambankgroup.com)